

» Kompleks bernilai RM20 juta bakal merencanakan aktiviti, agenda Islam

Oleh Noor Azlina Zainudin  
azlina.z@bh.com.my

► Nilai



Lakaran grafik Kompleks Pusat Islam USIM.

## Mercu tanda baharu USIM



Projek pembinaan Kompleks Pusat Islam USIM berjalan lancar mengikut jadual.

Projek pembangunan Kompleks Pusat Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berhampiran Bangunan Canselori universiti berkenaan dekat sini, berjalan lancar mengikut jadual dan dijangka siap sepenuhnya menjelang April tahun depan.

Kompleks Pusat Islam dengan kos dianggarkan bernilai RM20 juta itu ialah satu daripada binaan bangunan yang bakal menjadi mercu tanda dalam pelan pembangunan kampus tetap USIM di Bandar Baru Nilai.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata bangunan setinggi dua tingkat berkenaan meliputi ruang solat lelaki dan wanita berkapasiti 4,000 jemaah pada satu masa, pejabat pentadbiran, bilik imam, bilik tetamu kenamaan, bilik pengurusan jenazah, kaunter zakat dan beberapa kemudahan lain.

Beliau berkata, bangunan itu juga memiliki menara dan struktur binaan kubah utama berwarna biru sebagai kesinambungan struktur kubah yang

kini terdapat di bangunan Canselori.

Katanya, atas faktor kekangan kewangan kerajaan, projek pembinaan kompleks ini terhenti pada tahun 2002.

"Selepas memperoleh peruntukan baharu pada tahun lalu, projek itu dimulakan semula pada Jun tahun lalu dan dijangka mengambil masa selama 22 bulan untuk siap sepenuhnya," katanya kepada BH2, baru-baru ini.

### Zon solat

Musa berkata, proses pembinaan kini memberi tumpuan kepada usaha menyiapkan tiang dan lantai aras satu iaitu zon solat serta halaman masjid.

Menurutnya, kompleks berkenaan dibina di atas tapak asal dengan beberapa perubahan reka bentuk



“Selepas memperoleh peruntukan baharu pada tahun lalu, projek itu dimulakan semula pada Jun tahun lalu dan dijangka mengambil masa selama 22 bulan untuk siap sepenuhnya”

Musa Ahmad,  
Naib Canselor USIM

dilakukan mengikut kesesuaian dan perkembangan semasa.

Apabila siap kelak, katanya, ia bakal merencanakan lagi aktiviti dan agenda Islam dalam kampus, selain diharap dapat memberi manfaat kepada masyarakat Islam setempat.

"Kompleks ini dibina di kawasan strategik iaitu di antara Canselori dengan perpustakaan.

"Ia menjadi lambang kepada peranan USIM sebagai universiti Islam yang sentiasa memastikan elemen tadbir urus dan dasarnya (Canselori) dilaksana berdasarkan pertimbangan nilai keilmuan (perpustakaan) serta bertunjangan al-Quran dan sunah (Pusat Islam)," katanya.